

Pengurusan Pengagihan Keuntungan dan Hipotesis Pengurusan Modal

Khamilah Mohd Yusoff
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mel: nascamay@yahoo.com

Abdul Ghafar Ismail
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mel: agibab62@gmail.com

Ahmad Azam Sulaiman
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mel: ahmadazams@gmail.com

ABSTRAK

Sistem kewangan Islam telah semakin menyerlah berbanding sistem konvensional. Evolusi sistem kewangan Islam secara global turut memberi impak dalam sistem kewangan di Malaysia sejak ianya diperkenalkan seawal tahun 1983. Sistem kewangan Islam ini bukan saja mampu mengekalkan daya saing bank Islam dalam sektor kewangan tetapi ianya juga telah jelas terbukti mampu memberi keyakinan kepada sektor kewangan konvensional untuk turut menyokong perkembangannya di negara ini dengan pelbagai dan inovasi produk dengan terciptanya produk kewangan Islam yang baru dan berlandaskan syariah. Memandangkan bahawa bank Islam juga bermotifkan keuntungan tetapi perlu bersandarkan kepada urusan niaga yang berlandaskan syariah maka kajian ini dilakukan yang bertujuan untuk melihat sejauhmana keuntungan bank Islam itu dijana. Selain daripada itu, kajian ini juga turut memfokus kepada hipotesis pengurusan modal bank Islam itu sendiri yang memberi kesan kepada keuntungan yang diagihkan kepada pemegang saham bank serta pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam penjanaan keuntungan bank Islam itu sendiri. Bagi mencapai tujuan kajian ini, sebanyak 16 buah bank Islam di seluruh Malaysia telah dikenalpasti berdasarkan kepada senarai bank Islam yang didaftar dan tersenarai di Bank Negara Malaysia (BNM). Data selama enam tahun telah diambil bagi sembilan bank Islam tersebut bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2012 bagi melihat kaitan elemen dan kesan pengurusan modal kerja ke atas keuntungan bank tersebut.

Katakunci : pengurusan modal kerja, keuntungan, perbankan Islam

ABSTRACT

The Islamic financial system has been gaining interest compared with conventional systems . The evolution of the global Islamic financial system had an impact to the financial system in Malaysia since it was introduced as early as 1983. The Islamic financial system is not only able to maintain the competitiveness of Islamic banks in the financial sector, it has also been clearly shown to give confidence to the conventional financial sector to also support the development of Islamic banks in the country with products' diversification and innovation and the creation of the new Islamic financial products and Syariah-compliant. Given that Islamic banks are also profit-oriented but need to be based on Syariah-compliant transactions then this study aimed to look at how the Islamic banks' profits are generated. This study also focuses on the Islamic banks' capital management hypothesis that affects the profit attributable to shareholders of the bank and other interested parties for the Islamic bank. To achieve this objective, a total of 16 Islamic banks in Malaysia have been identified based on a list of Islamic banks that are registered and listed with the Bank Negara Malaysia. Six years data were taken

for nine Islamic banks from 2007 until 2012 to see the relevance of the elements and the effects of working capital management on the profitability of the bank.

Key Words: working capital management, profitability, Islamic banking

PENGENALAN

Modal kerja adalah merujuk kepada jumlah aset tunai yang dimiliki oleh sesebuah institusi. Pengurusan modal kerjayang cekap adalah perlu bagi sesebuah institusi itu untuk terus berjaya. Pengurusan modal kerja ini mampu membiayai semua perbelanjaan yang telah dirancang dalam melaksanakan urusanniaga dan juga perbelanjaan yang tidak dirancang. Di samping itu keperluan ini juga penting untuk memenuhi liabiliti jangka pendek organisasi. Keupayaan melunaskan liabiliti jangka pendek ini membantu bagi merencanakan lagi perkembangan sesebuah institusi. Oleh itu komponen aset semasa dan liabiliti semasa bank perlu dilihat untuk menganalisa modal kerja yang dimiliki oleh bank serta setakat mana kemantapan dan kekukuhan modal kerja institusi itu dapat membantu menjana keuntungan bank. Keuntungan itu dimanfaatkan dengan mengagihkan kepada pihak yang berkaitan. Semua institusi yang terlibat di dalam sebarang bentuk urusanniaga memerlukan pengurusan modal kerja yang cekap bagi memastikan kelangsungan perniagaan masing-masing. Hanya dengan mengekalkan modal kerja pada tahap yang optima mampu membuktikan keuntungan sesebuah bank dan juga kecairannya. Pengurusan modal kerja yang efektif menggambarkan kewangan bank tersebut adalah kukuh.

Salah satu teknik yang paling berkesan untuk mengetahui kekuatan sesebuah institusi kewangan itu adalah dengan menganalisa modal kerja institusi tersebut selain digunakan sebagai salah satu alat di dalam menganalisa kewangan institusi. Nisbah ini diperolehi daripada penyata kewangan institusi seperti penyata kira-kira serta penyata pendapatannya. Pelabur luar dan dalam negara akan membuat kajian kekukuhan berdasarkan kepada penyata kewangan institusi tersebut terutamanya kepada nisbah modal kerja serta nisbah hutang kepada ekuiti. Perkara ini amat penting memandangkan analisis kekuatan kewangan institusi dari kacamata pelabur adalah berdasarkan kepada penyata kira-kira kerana ia dapat memberikan maklumat mengenai kecukupan modal kerja, jumlah aset syarikat serta struktur modalnya. Manakala keuntungan bank pula seringkali merujuk kepada kadar pulangan atas pelaburan yang dilakukan. Keuntungan hanya boleh diagihkan apabila sesebuah organisasi itu berupaya mengawal sumber kewangan semasanya.

Sektor perbankan Islam terus diyakini akan mengalami pertumbuhan yang positif kerana sektor ini masih dikategorikan sebagai sektor yang baru muncul. Sektor ini jugaberpotensi besar untuk mengatasi sektor perbankan konvensional dengan mengalami pertumbuhan sebanyak 50 peratus lebih pantas berbanding sektor perbankan yang lain. Sepertimana dapatan kajian McKinsey & Company (2013), aset bank Islam dengan bank komersial yang lain secara keseluruhan mengalami pertumbuhan sebanyak \$1.3 trillion pada tahun 2011 dan ianya dijangka akan terus meningkat menjangkau \$2 trillion pada tahun 2014.

Sumber utama dana bank tidak kira bank Islam mahupun bank konvensional adalah wang pendeposit. Memandangkan yang demikian, adalah penting bagi pengurusan bank itu untuk memastikan bahawa wang yang dideposit oleh pelanggan akan dapat mendatangkan keuntungan kepada pihak bank sendiri dan juga pelanggannya. Perkara ini adalah penting demi mengekalkan kesetiaan pelanggan dan juga memastikan bahawa selain faktor perkhidmatan kepada pelanggan, corak pengurusan modal sesebuah bank itu serta kemampuan mereka mengagihkan keuntungan turut memberi kesan yang besar kepada kejayaan sesebuah bank itu untuk bersaing secara sihat di sektor kewangan.

Kertas kajian ini akan melihat kesan pengurusan modal bank ke atas keuntungan bank Islam. Perbandingan turut dibuat antara keuntungan bank Islam dengan pengurusan modal kerja bank Islam untuk melihat hubung kaitnya dengan pengurusan modal kerja bank. Hubungan kedua-dua elemen ini memberi kesan kepada untung yang diperolehi sesebuah bank itu. Hubungan modal kerja dan kesannya kepada keuntungan bank dilihat dengan bersandarkan kepada beberapa penanda aras yang diperolehi daripada data penyata kewangan dan penyata kira-kirasembilan bank Islam di Malaysia. Prestasi keuntungan bank Islam ini juga dikaitkan dengan persekitaran krisis kewangan tempatan serta fasa krisis kewangan dunia serta krisis kewangan di rantau Asian.

Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 oleh Bank Negara Malaysia telah mengunjurkan bahawa ekonomi sedang pesat membangun Asia dijangka meningkat kepada 39 peratus pada tahun 2020 berbanding 28 peratus pada tahun 2010. Kesan ini amat ketara dan dapat dilihat menerusi sektor perbankan Islam dari keseluruhan sektor perbankan keseluruhan yang telah berkembang daripada 6

peratus pada tahun 2001 kepada 22 peratus pada tahun 2010. Perkembangan sektor ini sekaligus membuktikan bahawa *Entry Point Project* (EPP 1) negara dengan sasaran untuk menjadi hab global terunggul dalam kewangan Islam menjelang tahun 2020 telahpun dapat dilihat dengan Malaysia telah pun muncul dan diiktiraf menjadi hab kewangan terkemuka di peringkat antarabangsa.

PERMASALAHAN KAJIAN

Secara umumnya semua institusi kewangan khususnya sektor perbankan tidak kira perbankan Islam ataupun konvensional beroperasi dengan satu objektif iaitu untuk mendapatkan keuntungan. Memandangkan operasi bank Islam dikawal oleh Akta Bank Islam, 1983 maka kajian ini akan melihat bahawa dengan kekangan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh BNM kepada bank-bank Islam ini, institusi ini masih mampu beroperasi dan seterusnya menjana keuntungan.

Pegangan pasaran institusi perbankan Islam di Malaysia pada tahun 2007 adalah sebanyak 22.8 peratus dengan aset perbankan Islam mencecah USD65.6 billion. Purata kadar pertumbuhan aset bank Islam pada masa ini adalah pada kadar 18-20 peratus setahun. Peratusan pegangan jumlah aset bank Islam berbanding dengan jumlah aset bank keseluruhan pada tahun 2012 adalah sebanyak 19.6 peratus. Perkembangan dan pembangunan pesat perbankan Islam di Malaysia semakin rancak apabila kerajaan Malaysia membenarkan pegangan asing dalam penubuhan bank Islam di negara ini seawal tahun 1996. Peratusan aset yang dimiliki dalam sektor perbankan mencerminkan kekuatan dan kekukuhan serta memberi gambaran mengenai prestasi sesebuah bank itu. Perkara ini dikaitkan dengan keuntungan yang diperolehi oleh bank tersebut yang boleh diperolehi apabila pihak pengurusan dapat menguruskan modal kerja bank secara cekap.

Sejauh mana cekapnya bank-bank Islam ini menguruskan modal kerja dengan batasan yang ditetapkan oleh syariah seterusnya akan memberi kesan kepada keuntungan yang boleh dibahagikan oleh bank Islam tadi kepada pelanggannya. Permasalahan ini perlu diumpil demi kelangsungan operasi bank-bank Islam di negara ini kerana ia berkaitan dengan usaha-usaha untuk mencapai aspirasi negara dalam mengukuhkan Malaysia sebagai pusat sumber rujukan bagi sektor kewangan Islam di seluruh dunia. Jika dibandingkan Malaysia dengan negara OIC yang lain, Malaysia sebuah negara Islam yang kecil berupaya menonjol dan seterusnya membuktikan bahawa sektor kewangan dan perbankan Islam mampu mengatasi sistem kewangan konvensional lain.

Oleh yang demikian, satu fakta yang menarik dari dapatan kajian ini bahawa keuntungan yang diagihkan kepada pelanggan bank banyak bergantung kepada kecekapan pengurusan modal kerja institusi tersebut sendiri. Analisa kesan pengurusan modal kerja memberi kesan yang ketara kepada keupayaan bank-bank Islam di negara ini bertahan walaupun dalam suasana ekonomi dunia yang masih belum pulih sepenuhnya dalam tempoh kajian ini. Bank Islam perlu mengekalkan prestasi semasa tempoh ketidakstabilan ekonomi dunia demi memastikan sektor perbankan Islam di Malaysia kekal relevan serta mampu menandingi sistem konvensional. Kajian ini dijangka mampu menyumbang fakta bahawa kecekapan pengurusan modal kerja sektor perbankan Islam mampu membantu bank Islam berkongsi keuntungan dengan pelanggan bank. Pengurusan modal kerja sesebuah institusi dapat menggambarkan kecekapan, kekukuhan kewangan serta menunjukkan aliran tunai institusi tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk:-

- Melihat kesan komponen pengurusan modal kerja ke atas keuntungan sesebuah bank Islam;
- Melihat hubungkait keuntungan bank Islam berbanding saiz bank Islam; dan
- Membina kesimpulan mengenai hubungan antara pengurusan modal kerja dan keuntungan yang boleh diagihkan oleh sesebuah bank Islam.

Thorsten Beck, Asli Demirgüç-Kunt, Quarda Merrouche (2013) dalam kajiannya juga membuat perbandingan antara bank konvensional dan Islam dalam negara dan juga dengan luar negara mendapati bahawa bank Islam mempunyai kelebihan dari segi pengurusan modal, lebih kos efektif serta mempunyai kualiti aset yang lebih tinggi. Disamping itu, bank Islam juga didapati mampu bertahan semasa krisis ekonomi.

Bank-bank Islam didapati memindahkan sebahagian keuntungannya semata-mata bertujuan untuk meningkatkan pulangan kepada pendepositnya sepertimana penemuan oleh Neila Boulila Taktak, Sarra Ben Slama Zouri, Abdelkader Boudriga (2010). Selain daripada itu, kepentingan pemegang saham juga lebih diutamakan berbanding melihat kepada memperoleh keuntungan agar boleh

diagihkan kepada pelanggan. Secara khususnya, *price earning ratio* (PER) dan *internal rate of return* (IRR) tidak digunakan sebagai alat untuk menstabilkan pulangan ke atas pemegang akaun pelaburan.

Tempoh kajian ini adalah selama enam (6) tahun bermula dari tahun 2007 sehingga 2012 dan di dalam tempoh tersebut ekonomi dunia turut mengalami beberapa gelombang turunkan dan ianya turut memberi kesan kepada sektor perbankan Islam di Malaysia. Secara umumnya, semasa krisis ekonomi sememangnya agak sukar untuk sesebuah organisasi itu untuk berkembang. Walau bagaimanapun, fakta penting yang perlu dilihat adalah institusi perbankan Islam tetap mampu berdiri teguh dan dapat terus beroperasi serta mampu mengekalkan kepercayaan dan kepentingan pelanggannya walaupun dilanda masalah ekonomi. Oleh yang demikian, diperhatikan corak pengurusan modal bank adalah berkait rapat dengan keuntungan yang boleh diagihkan oleh bank Islam tersebut. Fakta yang menarik perhatian pemerhati ekonomi adalah fakta paling utama di mana bank-bank Islam masih terus beroperasi dengan bermotifkan keuntungan yang berlandaskan syariah. Agenda penting sektor perbankan Islam ini adalah untuk mengekalkan kepercayaan pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan baru.

Berdasarkan kepada amanat yang disampaikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Datuk Ranjit Ajit Singh yang memberi penekanan kepada keperluan untuk mengukuhkan daya tahan kepada pasaran modal kini semakin penting, khususnya apabila pasaran menjadi saling berkaitan dan saling bergantung menerusi inovasi yang berterusan dalam bidang kewangan dan teknologi. Berdasarkan perkara ini maka diperhatikan bahawa badan pengawalselia sektor perbankan Islam secara khususnya dan perbankan konvensional secara amnya iaitu Bank Negara Malaysia telah bertindak dengan sewajarnya bagi memastikan perbankan Islam di Malaysia berjaya menjadi sumber rujukan.

METODOLOGI KAJIAN

Sumber data kajian ini adalah menggunakan data sekunder yang diperolehi dari laporan tahunan sembilan (9) bank Islam yang terbabit dan juga laporan tahunan Bank Negara Malaysia. Sembilan (9) bank Islam yang terlibat dalam kajian terdiri dari 7 buah bank milikan tempatan dan 2 buah bank milikan asing. Tempoh data diambil untuk kajian ini pula adalah selama 6 tahun bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2012. Data-data kajian adalah diambil dari penyata kewangan bank-bank terbabit dalam kajian. Tempoh enam tahun ini diambil memandangkan ianya dijangka mampu memberi satu analisa yang mencakupi tempoh pusingan ekonomi dunia yang menyumbang kepada operasi bank yang terlibat dalam kajian. Analisa kajian ini menggunakan satu pembolehubah bersandar iaitu keuntungan dan lima pembolehubah penerang iaitu komponen dalam modal kerja itu sendiri yang memberi kesan besar kepada keuntungan dan juga kelangsungan operasi bank Islam seperti jumlah aset, jumlah liabiliti, modal digunakan serta dana pemegang saham.

Pemodalan iaitu ekuiti pemegang saham/jumlah aset atau ETA merupakan faktor penting untuk memperjelaskan mengenai prestasi sesebuah bank itu. Pengurusan modal kerja dipilih memandangkan bahawa ianya berhubungkait dengan operasi bank. Memandangkan yang demikian, pengurusan modal kerja bank akan memberi impak kepada keuntungan atas operasi bank tersebut. Oleh itu, kajian ini akan melihat kepada keuntungan sebelum zakat dan cukai sebagai pengukur prestasi dan keuntungan bank. Analisa regresi yang digunakan di dalam kajian ini adalah *Ordinary Least Square* (OLS) memandangkan bahawa dengan penggunaan data panel, kaedah ini mampu memberikan fleksibiliti penggunaan data dalam model.

Penganalisaan Data

Bagi melihat prestasi bank-bank yang dipilih dalam kajian ini, nisbah pulangan atas aset (ROA), nisbah pulangan atas ekuiti (ROE) serta pulangan atas modal yang dimiliki (ROCE) telah dipilih memandangkan kesan yang jelas dapat dilihat antara modal bank dengan keuntungan yang diperolehi dan diagihkan. Nisbah pulangan atas ekuiti diperhatikan dapat memberi gambaran tentang kecekapan bank menggunakan wang pendeposit yang juga pelaburnya.

Bagi analisa kuantitatif, model regresi telah digunakan bagi menganggarkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini cuba mengenalpasti pembolehubah bebas utama pengurusan modal kerja bank Islam yang mempengaruhi keuntungan bank. Nisbah semasa yang biasa digunakan untuk mengukur kecairan dan prestasi sesebuah entiti itu turut digunakan dengan mengambilkira aset semasa dan liabiliti semasa bank tersebut.

Ujian hipotesis yang dilakukan adalah seperti berikut:

Hipotesis 1

- H₀ : Tiada hubungan antara pengurusan modal kerja dengan keuntungan bank Islam.
 H₁ : Terdapat kemungkinan hubungan yang positif antara pengurusan modal dengan keuntungan yang diperolehi oleh bank Islam. Bank yang berjaya mengurus modal kerja dengan cekap memperolehi keuntungan yang tinggi.

Hipotesis 2

- H₀ : Tiada hubungan antara saiz bank Islam dengan keuntungan yang diperolehinya.
 H₂ : Terdapat kemungkinan hubungan yang positif antara saiz sesebuah bank Islam itu dengan keuntungan yang diperolehi oleh bank Islam.

Hipotesis 3

- H₀ : Tiada hubungan antara pinjaman yang diberikan oleh bank Islam dengan keuntungan yang diperolehinya.
 H₃ : Terdapat kemungkinan hubungan yang positif antara jumlah pinjaman yang diberikan oleh bank Islam itu dengan keuntungan yang diperolehi oleh bank Islam.

Kitaran modal kerja juga akan diambil kira di dalam kajian ini memandangkan yang ianya berkaitan dengan operasi bank tersebut dan turut menyumbang kepada kecekapan pengurusan modal dan seterusnya menyumbang kepada keuntungan bank tersebut yang boleh dikongsi bersama pihak yang berkepentingan dengan bank atau organisasi itu.

DAPATAN KAJIAN

Model kajian ini adalah diadaptasi daripada model empirikal/regresi (Farook, Hassan, & Clinch, 2012) dan (Masood & Ashraf, 2012) yang turut menggunakan kaedah metodologi data panel dan menghubungkan keuntungan yang diagihkan oleh bank dengan faktor pemboleh ubah dalam institusi perbankan Islam itu sendiri dalam kajian mereka. Walau bagaimanapun, kajian ini akan mengkhusus kepada keuntungan sebelum zakat dan cukai sebagai pemboleh ubah bersandar serta lima pemboleh ubah bebas seperti dinyatakan dalam model dan Jadual 1 berikut:-

$$^AYPBZT = ^\beta1 + ^\beta2TA + ^\beta3CE + ^\beta4TDC + ^\beta5TL + ^\beta6TLSH + \mu$$

Kajian ini melibatkan sebanyak 54 pemerhatian yang dibuat dengan menggunakan enam pemboleh ubah. Daripada kesemua pemerhatian yang diperolehi, berdasarkan kepada model OLS, tiada perbezaan antara kesemua sembilan buah bank Islam tersebut. Model ini mengeneipkan isu heterogeniti di mana model ini mengandaikan bahawa kesemua pemboleh ubah bebas termasuk intersep adalah sama. Keputusan pemerhatian diatas menunjukkan bahawa hanya pemboleh ubah TDC sahaja yang memberikan keputusan probabiliti kurang dari 5 peratus iaitu 2 peratus dan ianya adalah signifikan bagi menerangkan keuntungan sebelum zakat dan cukai. Keputusan probabiliti ini menunjukkan bahawa walaupun TDC adalah signifikan dalam menerangkan keuntungan bank tetapi model ini berbeza dengan situasi sebenar dalam ekonomi di mana model ini mengeneipkan profil bahawa setiap institusi bank Islam itu adalah berbeza. Oleh yang demikian, model OLS ini bukanlah model terbaik untuk kajian ini. Memandangkan yang demikian, ujian lanjut perlu dilakukan dengan menggunakan *fixed effect model* dan *random effect model*.

Adalah diperhatikan bahawa dengan melihat kepada model *fixed effect model* pula, kesemua pemboleh ubah bebas yang dipilih iaitu CE, TA, TDC, TL dan TLSH mempunyai nilai probabiliti melebihi 5 peratus dan ianya adalah tidak signifikan dalam menerangkan untung sebelum zakat dan cukai bank. Seterusnya regresi dibuat dengan menggunakan *random effect model* bagi melihat kaitan untung bank dengan komponen modal kerja tadiseperti di Jadual 1.

Diperhatikan bahawa nilai probabiliti bagi kesemua pemboleh ubah bebas bagi *random effect model* adalah tidak signifikan dalam menerangkan keuntungan yang diperolehi oleh bank Islam kecuali pemboleh ubah TDC dengan nilai probabilitinya adalah 1.26 peratus. Memandangkan yang demikian, bagi tujuan memilih model yang paling ideal untuk diterima dan boleh menerangkan pengaruh pengurusan modal kerja kepada keuntungan bank Islam sama ada *fixed effect model* atau *random effect model*, maka ujian *Hausman Test* telah dijalankan ke atas pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut.

Diperhatikan bahawa hasil dari *Hausman Test* menunjukkan bahawa keputusan *cross section random* mempunyai nilai probabiliti 2.53 peratus iaitu kurang dari 5 peratus. Memandangkan yang demikian maka kajian ini perlu menerima H_a iaitu *fixed effect model* yang terbaik dalam kajian ini kerana model ini boleh menerangkan hubungan keuntungan sebelum zakat dan cukai yang diperolehi oleh bank Islam dengan komponen modal kerja.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keuntungan bank Islam memang dipengaruhi oleh pengurusan modal kerja bank khususnya jumlah deposit yang diterima dari pelanggan bank (TDC). Hasil kajian ini menyokong keputusan analisis yang diperolehi oleh Masood, & Ashraf (2012) yang mendapati bahawa saiz aset bank mempengaruhi keuntungan bank Islam.

Bank Negara Malaysia juga telah menjalankan ujian ketahanan dan keputusannya menunjukkan bahawa bank-bank memiliki kredit positif dan berdaya tahan untuk menghadapi situasi kredit yang teruk serta kerugian pasaran. Laporan ini turut memberi penekanan bahawa ujian ketahanan yang dilakukan oleh BNM pada 19 Mac 2014 yang lalu menunjukkan bahawa agregat nisbah modal bank Malaysia adalah pada tahap 10 peratus dalam senario tertekan. Keputusan ujian tekanan yang dilaksanakan oleh BNM bagi bank-bank di Malaysia ini adalah konsisten dengan ujian yang dilaksanakan dalam kajian ini yang menfokus kepada bank-bank Islam dalam tempoh enam tahun bermula dari tahun 2007 sehingga 2012. Nisbah utama yang dilihat adalah nisbah *return on assets* (ROA), *return on equity* (ROE) dan *return on capital employed* (ROCE) yang berkait rapat dengan hasil ujian tekanan yang BNM lakukan. Ini menguatkan lagi dapatan kajian bahawa bank Islam di Malaysia adalah stabil dan kestabilan bank-bank Islam ini turut dibuktikan dengan purata keuntungan tahunan yang diperolehi oleh semua bank Islam dalam kajian adalah dalam lingkungan RM9 juta hingga RM170 juta. Keuntungan sebelum zakat dan cukai yang dijana adalah dipengaruhi oleh komponen modal kerja bank itu.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Krisis kewangan global 2009 telah menjadikan ekonomi Malaysia sebagai negara yang sedang membangun adalah sangat penting. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada purata keuntungan yang diraih oleh institusi perbankan Islam tidak kira bank Islam tempatan ataupun asing.

Jadual 2 menunjukkan statistik deskriptif yang menerangkan mengenai pengukuran prestasi keuntungan bank yang berkaitan seperti ROA, ROE dan juga ROCE. Keputusan yang diperolehi daripada nisbah pengukuran prestasi ini menunjukkan bahawa ROA yang dianggap sebagai pelaburan atas aset bank bagi kesembilan buah bank Islam terbabit dalam kajian adalah dalam julat -3.44 peratus hingga 67.29 peratus. Setiap entiti perniagaan akan cuba mengekalkan nisbah ROA mereka antara 1.5 peratus hingga 5 peratus. Dalam kes perbankan Islam, nisbah ROA yang diperolehi mestilah tidak kurang dari 1.5 peratus. Adalah diperhatikan bahawa komponen terbesar aset semasa bank Islam dalam kajian ini adalah pinjaman berjangka manakala pendapatan bersih bank Islam pula adalah diperolehi daripada dana pelaburan yang dibuat oleh bank dari dana pendeposit. ROE pula melihat dari sudut ekuiti bank manakala nisbah ROCE pula mampu mengukur keuntungan dan juga melihat tahap kecekapan bank beroperasi dengan modal yang dimiliki kerana ia mengambilkira jumlah aset dimiliki serta tanggungan semasa.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan data panel dan keputusan regresi pembolehubah-pembolehubah komponen modal kerja bank yang telah dipilih seperti jumlah aset, modal yang dimiliki, dana pemegang saham, jumlah deposit dari pelanggan, jumlah liabiliti serta jumlah pinjaman yang diberikan ternyata mempengaruhi keuntungan institusi perbankan Islam.

Keputusan ini juga menggambarkan bahawa modal kerja yang diuruskan dengan cekap dalam tempoh enam tahun kajian memberikan kesan kepada keuntungan yang direkodkan setiap tahun. Kajian ini telahpun mengenengahkan sebahagian besar komponen utama modal kerja perbankan Islam serta bersandarkan kepada analisa deskriptif dan juga kuantitatif.

Hasil kajian ini mendapati bahawa modal kerja bank memang mempengaruhi keuntungan dan pengurusan modal kerja itu sendiri akan memberi implikasi kepada keuntungan sebelum zakat dan cukai yang akan diagihkan. Dengan akta khusus bagi kewangan Islam yang telah dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013 iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 serta ujian ketahanan semasa krisis yang dilaksanakan maka sektor perbankan Islam ini dijangka akan lebih rancak kerana keyakinan yang lebih tinggi daripada pelanggan yang juga pelabur kewangan yang melihat bahawa perbankan Islam telah

terbukti dapat menjamin keuntungan walau ketika kedudukan ekonomi yang tidak menentu. Kajian akan datang boleh menganalisa secara khusus komponen jumlah pinjaman yang diberikan dan implikasi ke atas keuntungan yang dijana oleh perbankan Islam.

RUJUKAN

- Asma' Rashidah Idris, Fadli Fizari Abu Hassan Asari, NoorAzilah Abdullah Taufik, Nor Jana Salim, Rajmi Mustaffa, Kamaruzaman Jusoff. (2011). Determinants of Islamic Banking Institutions' Profitability in Malaysia. *World Applied Sciences Journal 12 (Special Issue on Bolstering Economic Sustainability)*.01-07
- Bana Abuzayed. (2012). Working Capital Management and Firms' Performance in Emerging Markets: The Case of Jordan. *International Journal of Managerial Finance*. Vol.8 No. 2 pp155-179
- Beck, T, Demirgüç-Kunt, A & Meerouche, Q. (2010). The World Bank. Islamic vs. Conventional Banking Business Model, Efficiency and Stability
- Damodar N. Gujarati, Dawn C. Porter. (2009). *Basic Econometrics*. Singapore: McGraw Hill
- Diogo Filipe Nascimento Gomes.(2013). Lisboa School of Economics & Management, How Does Working Capital Management Affect Firms' Profitability?-Evidence From Portugal
- Edib Smolo. Abbas Mirakhor. (2010). The Global Financial Crisis and Its Implications for the Islamic Financial Industry. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. Vol.3. No. 4. Pp 372-385
- El. Tegani A. Ahmed.(1996). Distribution of Profits in Islamic Banking: A Case Study of Faysal Islamic Bank of Sudan (FIBS). *JKAU: Islamic Econ*. Vol 8,pp. 15-32
- Erwin G. Hutapea, Rahmatina A.Kasri. (2010). Bank Margin Determination: A Comparison Between Islamic and Conventional Banks in Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. Vol. 3.No.1. pp65-82
- Fadzlan Sufian. (2007). The Efficiency of Islamic Banking Industry in Malaysia: Foreign vs Domestic Banks. *Humanomics*. Vol. 23. No. 3. Pp 174-192
- Farook, S., Hassan, M. K., & Clinch, G. (2012). Profit distribution management by Islamic banks: An empirical investigation. *The Quarterly Review of Economics and Finance*, 52(3), 333–347. doi:10.1016/j.qref.2012.04.007
- Greg Filback, Thomas M. Krueger. An Analysis of Working Capital Management Results Across Industries. *Mid-American Journal of Business*, Vol. 20, No. 2
- Gudarzi Farahani, Yazdan, Sadr, Seyed Mohammad Hossein. (2012). Analysis of Islamic Bank's Financing and Economic Growth: Case Study Iran and Indonesia. *Journal of Economics Cooperation and Development*. 33.4 1-24
- Hamim S. Ahmad Mokhtar, Naziruddin Abdullah, Syed M.Alhabshi. (2008). Efficiency and Competition of Islamic Banking in Malaysia. *Humanomics*. Vol. 24. No.1.2008. pp 28-48
https://www.moody.com/research/Moodys-maintains-stable-outlook-on-Malaysias-banking-system--PR_273153 (6 April 2014)
- Masood, O., & Ashraf, M. (2012). Bank-specific and macroeconomic profitability determinants of Islamic banks: The case of different countries. *Qualitative Research in Financial Markets*, 4(2/3), 255–268. doi:10.1108/17554171211252565
- McKinsey & Company. (2013). Capturing the \$30 trillion emerging market opportunity. *McKinsey & Company Consumer & Shopper Insights*. Retrieved from http://csi.mckinsey.com/knowledge_by_region/global/emerging_market_opportunity
- Mohamed Hisham Yahya, Jumaina Muhammad. (2012). A Comparative Study on the Level of Efficiency Between Islamic and Conventional Banking Systems in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. Vol. 5. No.1 pp 48-62
- Mohammad Hanif Akhtar. (2013). After the Financial Crisis: A Cost Efficiency Analysis of Banks from Saudi Arabia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. Vol. 6.No. 4. Pp 322-332
- Mohammad Khodaci Valahzaghhard, Ali Tasherinejhad, (2012). The Impact of Working Capital and Financial Structure on Profitability of Islamic Banking Industry.
- Neila Boulila Taktak, SarraBen Slama Zouari, AbdelKader Boudriga. (2010). Do Islamic Banks Use Loan Loss Provisions to Smooth Their Results? *Journal of Islamic Accounting and Business Research* Vol. 1. No.2 pp 114-127
- Omar Masood, Muhammad Ashraf, (2012). Bank-Specific and Macroeconomic Profitability Determinants of Islamic Banks: The Case of Different Countries. *The Quarterly Review of Economics and Finance* Vol. 4 No 2/3. 255-268

Pelan Induk Kewangan 2011-2020, Bank Negara Malaysia

Prabath Suranga Morawakage, A.M.I Lakshan.(2010). Determinants of Profitability Underlining The Working Capital Management and Cost Structure of Sri Lankan Companies. University of Kelaniya, Sri Lanka

Rifki Ismal. (2010). Strengthening and Improving the Liquidity Management in Islamic Banking. *Humanomics* Vol.26.No.1. pp18-35

RimaTurk Ariss. (2010). Competitive Conditions in Islamic and Conventional Banking: A Global Perspective. *Review of Financial Economics*. Vol. 19. 101-108

Rosylin Mohd Yusof, Mejda Bahlous. (2013). Islamic Banking and Economic Growth in GCC & East Asia Countries. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. Vol. 4. No. 2. Pp 151-172

Ruhaini Muda, Abdul Ghafar Ismail, Shahida Shahimi. (2011). Profit-Loss Sharing and Economic Value Added in Islamic Banking Model.

Sayd Farook, M. Kabir Hassan, Gregory Clinch. (2012). Profit Distribution Management by Islamic Banks: An Empirical Investigation. *The Quarterly Review of Economics and Finance* 52.333-347

Sayd Farook, M. Kabir Hassan, Roman Lanis. (2011). Determinants of Corporate Social Responsibility Disclosure: The Case of Islamic Banks. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. Vol. 2. No. 2. Pp 114-141

Simon Archer, Rifaat Ahmed Abdel Karim.(2010). Supervisory, Regulatory, and Capital Adequacy Implications of Profit-Sharing Investment Accounts in Islamic Finance. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. Vol.1, No.1.pp 10-31

Simon Archer, Rifaat Ahmed Abdel Karim. (2009). Profit-Sharing Investment Accounts in Islamic Banks: Regulatory Problems and Possible Solutions. *Journal of Banking Regulation*. Vol.10.4. 300-306

Sudin Haron & Norafifah Ahmad. The Effects of Conventional Interest Rates and Rate of Profit on Funds Deposited with Islamic Banking System in Malaysia *International Journal of Islamic Financial Services*. Vol. 1 No.4.

Syed Atif Ali, Azam Shafique, Amir Razi, UmairAslam. (2012). Determinants of Profitability of Islamic Banks,A Case Study of Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*. Vol. 3. No. 11

Thorsten Beck, Asli Demirguc-Kunt, Quarda Merrouche. (2012). Islamic vs Conventional Banking: Business Model, Efficiency and Stability. *Journal of Banking and Finance* 37. 433-447

Wahyu Ario Pratomo, Abdul Ghafar Ismail. (2006). Islamic Bank Performance and Capital Structure.

Xavier Freixas. (2009). Monetary Policy in a Systematic Crisis. *Oxford Review of Economic Policy*.Volume 25. Number 4. pp 630-653

Yong Tan, Christos Floros. (2012). Bank Profitability and Inflation: The Case of China. *Journal of Economic Studies*. Vol.39. No.. pp675-696

JADUAL 1: Probabiliti Keputusan Regresi Data Panel

Pembolehubah (Deskripsi)	OLS/Pooled Regression Model	Fixed Effect Model	Random Effect Model
TA (Total Asset)	0.4810	0.5764	0.4479
CE (Capital Employed)	0.4416	0.5773	0.4073
TDC (Total Deposit from Customer)	0.0200	0.5486	0.0126
TL (Total Liabilities)	0.5500	0.4816	0.5197
TLSH (Total Loan to Shareholders)	0.2322	0.2322	0.1990
Hipotesis bagi memilih model terbaik H ₀ : Random Effects Model H _a : Fixed Effects Model			
Keputusan Hausman Test :Probabiliti			

Test Summary	Chi-Sq. Statistic	Chi-Sq. d.f.	Prob.
Cross-section random	12.806716	5	0.0253

JADUAL 2: Pengukuran Prestasi Bank-Bank Islam, 2007-2012

Nisbah Pengukuran Prestasi	Tahun	Bank-Bank Islam Terpilih Dalam Kajian								
		Bank_A	Bank_B	Bank_C	Bank_D	Bank_E	Bank_F	Bank_G	Bank_H	Bank_I
<i>Return on Assets(ROA)</i>	2007	10.09	13.36	19.38	18.52	-3.44	12.83	20.32	11.52	11.13
	2008	10.37	13.53	17.07	26.46	8.75	19.20	23.46	11.36	14.64
	2009	11.84	15.55	16.92	28.97	14.28	11.63	21.74	14.62	25.74
	2010	13.14	17.76	16.85	46.68	30.98	2.89	42.16	19.00	42.26
	2011	15.98	16.06	26.19	34.99	36.60	-53.04	33.75	21.42	51.38
	2012	19.53	32.83	28.48	44.38	39.79	29.06	40.35	20.68	67.29
<i>Return on Equity(ROE)</i>	2007	89.45	46.20	73.44	55.88	-6.81	36.07	127.67	71.77	49.59
	2008	82.49	42.22	56.71	57.37	20.11	22.95	114.24	74.47	58.86
	2009	62.12	43.59	52.94	70.28	15.54	10.74	91.21	51.30	88.55
	2010	63.32	45.00	47.95	100.76	36.18	3.01	106.34	66.37	94.58
	2011	69.32	38.48	55.07	77.95	40.98	-76.53	77.24	72.46	79.83
	2012	62.26	57.44	47.11	80.55	47.28	40.50	82.89	66.65	86.03
<i>Return on Capital Employed (ROCE)</i>	2007	5.15	6.57	9.84	7.36	-10.50	2.34	7.26	2.57	5.40
	2008	3.64	8.44	8.17	12.08	-12.87	3.65	9.69	1.43	6.52
	2009	3.90	9.64	6.18	13.70	-1.61	-2.87	7.33	4.00	11.38
	2010	3.81	10.74	6.47	22.91	0.76	-13.27	15.82	4.75	26.95
	2011	6.03	8.68	9.84	4.78	0.11	-70.93	14.77	6.92	29.84
	2012	8.00	19.69	14.89	5.44	0.96	8.89	18.87	4.17	35.74